

KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN KITA KEPADA MASYARAKAT

Kita sekarang menghadapi perkara yang mustahak. Perkara-perkara itu sebagai berikut:

Keluhan bapa dan kehilangan mata pencarian bagi menyelenggarakan hidup anak isterinya; ratap tangis ibu yang kematian suami; anak-anak yatim yang kurang pemeliharaan dan jagaan; kesengsaraan fakir miskin yang tak bertempat tinggal dan tak mengetahui dari mana mereka akan mendapat makannya; murid-murid yang tak dapat meneruskan pelajaran dan berbagai-bagai lagi. Semuanya ialah perkara yang penting, yang harus kita fikirkan dan kita sempurnakan bersama sebabnya adalah mereka semuanya menjadi korban perjuangan hidup kita dalam masyarakat kita sekarang ini.

Kalau kita tak mengambil endah kepada mereka itu, kepada penghidupan, dan tidak mahu menghulurkan bantuan maka mereka dengan mudah boleh dijadikan alat atau perkakas oleh orang lain yang bakal merugikan kita dan menjadikan mereka musuh di dalam selimut. Kita telah melihat beberapa banyak orang lain membuat rumah miskin dan rumah yatim, sekolah-sekolah mereka yang bertaburan di sana-sini, mereka memberi pakaian dan sebagainya kepada mereka itu. Semuanya itu diketahui oleh dunia bahawa yang menyelenggarakan itu ialah mereka, bukan kita. Mereka yang bekerja, kita yang menonton. Dengan demikian sudah tentu mereka itulah yang akan mengucap dan mendapat buahnya. Sebabnya barang siapa menanam maka ialah yang berhak meminta buahnya. Seorang pujangga pernah berkata yang bermaksud “Apabila engkau tidak menanam dan engkau melihat orang sedang memetik buahnya, nescaya engkau, menyesal kerana engkau telah mensia-siakan waktu musim menabur benih.”

Kalau kita hanya menjadi penonton, tukang bersorak janganlah kita berharap buah yang akan didapati oleh orang yang mengikut orang yang berjuang, berkorban dan bersungguh-sungguh bekerja. Tuhan telah menyatakan perbezaan di antara dua golongan itu (yang bermaksud): “Tidak sama orang mukmin yang duduk diam yang tidak ada halangan sharī dengan orang mukmin

yang berjuang dengan jalan Allah dengan harta dan dirinya Allah berikan kelebihan satu darjat lebih tinggi daripada orang-orang yang duduk diam. Kedua-duanya dijanjikan kebaikan tetapi Allah lebihkan orang-orang yang berjuang dengan orang-orang yang duduk diam dengan suatu balasan yang besar, iaitu beberapa darjat dari sisinya, pengampunan dan rahmat, dan sesungguhnya Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.”

Berhadapan dengan perkara-perkara yang tersebut tadi adakah alasan bagi kita berpegang lutut? Adakah kita mengharapkan kurnia belas kasihan orang? Sekali-kali tidak ada alasannya. Sebab-sebabnya umpamanya – kita tidak dapat membuka sekolah tetapi kita masih dapat mengajar, dan yang ingin belajar pula bukan alang-kepalang banyaknya. Kita tak dapat mendirikan rumah yatim piatu tetapi masih dapat menolong mereka itu. Begitu juga lain-lain perkara. Percayalah bahawa jiwa yang hidup dengan disinari kebenaran itu tidaklah akan dapat dipadamkan cahayanya dengan apa kekuatan pun.

Kalau air yang mengalir dari gunung hendak turun ke sungai dan terus kelaut dapat melepaskan dirinya daripada segala hambatan dan halangan. Ia terus juga mengalir dicelah-celah batu sehingga sampai kepada yang dituju olehnya, maka mengapakah kita manusia yang berakal tak dapat berikhtiar menyampaikan cita-cita kita yang mulia?

Segala yang tersebut tadi dapat kita laksanakan hanyalah dengan perjuangan yang serentak, dengan bersama-sama; semua kekuatan dan kecekapan dikerahkan bagi tujuan yang satu, janganlah ada yang duduk diam, yang jadi penonton- penonton jangan ada yang mencari helah dan alasan, terkecuali kalau ada sharf yang tak dapat dilampaui wal hasil kita harus serentak mengerjakan segala amal kebajikan sebagaimana diperintahkan Tuhan dalam al-Quran (yang maksudnya): berlumba-lumbalah kamu di dalam medan kebajikan.”

Pada surah yang lain Allah berfirman (maksudnya): “Bekerjalah kamu sehabis-habisnya kesanggupan kamu, aku pun akan bekerja.”

Kerana itu bahagi-bahagi tenaga dan kecekapan kita di tempat masing-masing, Janganlah kita menyerahkan perjuangan kepada pemimpin kita sahaja pada hal kita tidak mengikut membantunya. Keadaan kita di luar sebenarnya bergantung kepada keadaan kita didalam kalau keadaan dalam kelam-kabut maka diluar pun begitu juga. Perkara yang kita pandang kecil dalam dan kurang berharga janganlah kita cuaikan atau kita siakan. Kita tidak boleh membukakan sedikit pun lubang yang boleh dimasukkan oleh kuman-kuman yang berbahaya dan dengan bermaharajalela boleh membinasakan atau sekurang-kurangnya melemahkan taubat masyarakat kita.

Oleh yang demikian kita janganlah membiarkan kelemahan kita itu dengan begitu sahaja sehingga ia membinasakan. Mana-mana yang hampir rosak hendaknya lekas kita perbaiki supaya tidak merosakkan yang lain. Begitulah segala sesuatu hendaknya kita lihat dari sebab dan akibatnya. Kita periksa muslihat dan kebinasaannya yakni yang membawa kebaikan dan mendatangkan kerosakkan. Kita kerap kali mensiakan sesuatu padahal di situlah terletak kebahagiaan kita. Orang lain menggunakan barang itu untuk keuntungan dan merugikan kita dan kerana itu Allah telah mengingatkan kita dengan firman-Nya (yang bermaksud): “Dan barang

yang kamu tidak menyukai terkadang-kadang membawa kebajikan bagi kamu: dan barang yang kamu suka terkadang-kadang membawa kerugian bagi kamu dan Allah mengetahui yang kamu tidak mengetahui.”

Berusahlah dalam kebajikan sosial melimpahkan rahim dan kasih sayang kepada orang-orang lemah seperti anak-anak yatim piatu, fakir miskin dan lain-lainnya itu semuanya adalah perkara yang sangat diperhatikan oleh agama kita dan kita diperintah bagi melakukan.

Salah satu daripada ayat-ayat Quran dan Hadis-hadis Nabi yang banyak menyuruh kita menumpukan perhatian kita kepada yang demikian itu ialah firman Allah subhānahu wa ta‘ālā (yang maksudnya): tetapi ia tidak menempuh jalan yang payah itu sedekah engkau ketahui apa jalan yang payah itu? Iaitu merdekakan hamba: atau memberi makan pada hari kelaparan, kepada anak yatim sekeluarga atau kepada orang-orang miskin yang sangat-sangat kepayahan.

Semua perkara yang diterangkan di dalam ayat al-Quran tadi kerap kali kita pandang suatu perkara yang kecil sahaja, kita cuaikan. Padahal orang lain menggunakan perkara itu menjadi pokok perjuangan bagi menarik perhatian umum bahawa mereka itu sebenar-benarnya menjadi penolong dan pembela bagi pemandangan rakyat umum, rakyat jelata, yang falsafah hidupnya hanyalah sampai dalam lingkungan makan minum dan pakaian, tempat tinggal dan kesenangan, maka perkara tersebut itulah dipandang besar oleh mereka kerana perkara-perkara itulah sahaja yang dapat dilihat dan dirasa mereka: dan mereka mengikut sahaja kepada siapa yang datang menolong baik benar orang awam yang mati rohaninya disebabkan mendapat kesenangan. Banyak di antara kita yang sanggup menghadapi cubaan yang berupa kesengsaraan dan penderitaan, bahkan penderitaan itu ada

(sambungannya pada muka surat 25)

(sambung muka surat 24)

kalanya dapat meneguh dan membersihkan jiwa; tetapi sedikit benar orang yang tahan dan dapat menghadapi ujian kesenangan kerana itulah Tuhan sentiasa mengingatkan kita supaya kita dapat menghadapi ujian kesusahan atau kesenangan sebagaimana yang diterangkan di dalam firman-Nya (yang maksud-Nya) : Dan kami menguji kamu dengan kesengsaraan dan kesenangan sebagai percubaan dan kepada kamilah kamu akan dikembalikan.”

Oleh yang demikian marilah kita bersama-sama meluaskan mu‘āmalāt, amal soleh, kebajikan masyarakat, supaya bangsa kita yang lemah, kuat semula. Mereka hampir-hampir tergelincir, insaf kembali dan yang hanyut mendapatkan pegangan, dan gunalah masjid Allah itu sebagai tempat memusatkan amal soleh, mu‘āmalāt sesama manusia, yang demikian ini bermakna mempertinggi syiar dan kejayaan masjid.

Berbahagialah bangsa yang berjuang tetap di dalam pimpinan Tuhan yang selalu mengikuti pertunjukan, tidak berputus asa terhadap kepada pertolongan yang tetap akan datang. Mudah-mudahan kita dimasukkan di dalam golongan yang direndahai Tuhan sebagaimana yang tersebut tadi Amin. (Dipetik daripada *Rūh al-Minbar* dengan kebenaran pengarang Tuan Muḥammad ‘Alī Ḥamīdī).

Akan Terbit!

Sedikit Hari Lagi!!

***‘Umar Ibnu al-Khaṭṭāb*
(4 Penggal Tamat)**

Harga Sepenggal \$1.20 Pos 10 Sen

Qalam Press Limited

P.O. Box. 2031

Singapore.

WASIAT YANG BERHARGA

Syukur atas tiap-tiap nikmat itu ialah menjauhi

larangan-larangan Allah

Apabila hilang malu nescaya datang bala

Kesempurnaan ikhlas itu ialah menjauhi maksiat

Seseorang itu tidak suci daripada kawan yang memuji dan musuh yang mengeji

Seseorang yang menyangka dirinya baik itu menunjukkan kelemahan akalunya

(menyambung dari muka 15)

wang bagi menjalankan rancangan-rancangan untuk pembangunan dan kemakmuran negara. Demikianlah yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan-kerajaan Saudi Arabia, Iraq dan syarikat-syarikat yang mengusahakan pengeluaran minyak untuk maslahat keamanan negeri-negeri tersebut di Timur Tengah sebenarnya tidak akan ada keamanan jika tidak dihapuskan kepapaan, kejahilan dan penyakit yang sedang bercambah disegenap pelusuk negeri-negeri yang tersebut itu.

“Melaksanakan rancangan ini sesungguhnya berkehendak kepada sikap bijaksana dan luas pandangan – mudah-mudahan Raja al-Kuwait iaitu seorang yang kaya sekali didunia pada hari ini – Dapat menunjukkan dirinya sebagai seorang yang jauh pandangan dan bijaksana.

Sekianlah kata majalah “*Red Rose Digest*“ yang telah disalin oleh majalah “*al-Hilāl*” Mesir.